

EGM : Muar temui Umno Johor
Malaysiakini.com
Apr 14, 2008
Muda Mohd Noor

Umno bahagian Muar akan merujuk kepada badan perhubungan Johor esok bagi mengadu bahawa bahagian itu enggan mengeluarkan surat yang membolehkan ia mengadakan mesyuarat agung luar biasa (EGM).

Majoriti ahli jawatankuasa (AJK) bahagian itu dilaporkan mendesak supaya EGM diadakan dan surat mengenainya dihantar kepada setiausaha Umno bahagian pada 1 April.

Umno Muar mempunyai masa 14 hari untuk mengeluarkan notis untuk mengadakan EGM tetapi sehingga hari ini tiada surat dikeluarkan.

Sekumpulan AJK bahagian itu akan menemui setiausaha badan itu Datuk Ali Hassan untuk mendapatkan penjelasan mengapa surat belum dikeluarkan kepada bahagian itu.

Seorang daripada mereka, Hassan Sulaiman Ninam Shah berkata pihaknya ingin meminta Ali menghubungi sendiri setiausaha agung Umno, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, untuk mendapatkan restu bagi membolehkan Muar mengadakan EGM.

"Sekiranya Majlis Tertinggi juga gagal mengarahkan EGM diadakan, kami 26 AJK Umno bahagian Muar bersetuju akan meletakkan jawatan secara beramai-ramai," katanya ketika dihubungi hari ini.

Awal bulan ini, 84 daripada 133 cawangan Umno di bahagian itu bersetuju EGM diadakan untuk membincangkan beberapa isu tentang parti selepas prestasi buruk Umno dalam pilihanraya umum 8 Mac.

Ia kemudiannya disokong oleh 26 daripada 33 ahli jawatankuasa bahagian yang menandatangani persetujuan meminta bahagian mengadakan EGM dalam tempoh 14 hari mulai 1 April lepas.

Hassan berkata, sehingga hari ini pihaknya belum menerima sebarang jawapan dari Umno bahagian mengenai permohonan untuk mengadakan EGM tersebut.

Katanya, surat mengenai perkara tersebut dihantar kepada bahagian Muar pada 1 April lalu tetapi pejabat bahagian itu mendakwa ia diterima pada 3 April.

Beliau berkata, tiada sebab lagi untuk Umno bahagian tidak mengeluarkan surat untuk membolehkan bahagian Muar mengadakan EGM.

Hassan berkata, mengikut perlembagaan parti, jika sebuah bahagian Umno memenuhi salah satu daripada tiga syarat, iaitu pejabat parti tidak boleh menghalang bahagian tersebut daripada mengadakan mesyuarat EGM.

Syarat tersebut ialah: pertama, jika dua pertiga AJK bahagian; kedua, separuh daripada jumlah cawangan, dan ketiga MT Umno mahukan EGM, bermakna ia boleh diadakan.

"Dua syarat pertama itu telah dipenuhi dan ini bermakna EGM tersebut boleh diadakan," katanya lagi.

Hassan juga berkata, tiga cawangan Umno dalam bahagian Muar akan mengadakan EGM hujung minggu ini.

Katanya, tiga cawangan tersebut mahu membincangkan tiga perkara iaitu prestasi parti dalam pilihanraya umum lalu, menghapuskan sistem kuota pencalonan dalam pemilihan parti dan peletakan jawatan AJK Muar.

Sementara itu, Hassan mencadangkan supaya MT Umno meletakkan jawatan dan menubuhkan protem baru bagi menguatkan semula parti selepas kalah teruk dalam pilihanraya lalu.

Beliau juga sangsi dengan rancangan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk memulihkan semula Umno seperti yang diuar-uarkannya.

"Orang sudah tidak percaya, bagaimanakah lagi beliau hendak memperbetulkan Umno itu," katanya lagi.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news//81328>